

**PEJABAT BENDAHARI  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

---

KUiTTHO.(PB) 10.12/04 ( 32)

Tarikh: 8 Januari 2005

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 01 / 2005**

Semua Pengurus Bahagian  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

**PENETAPAN KADAR JAMUAN BAGI PROGRAM / AKTIVITI PELAJAR**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai penetapan kadar jamuan bagi program / aktiviti pelajar KUiTTHO.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Pekeliling ini menyediakan satu garis panduan tentang kadar jamuan yang standard bagi semua program / aktiviti pelajar KUiTTHO disebabkan buat masa ini hanya aktiviti anjuran luar atau yang diadakan di luar sahaja mempunyai kadar iaitu RM 10.00 (Elaun Makan) dan RM40.00 (Elaun Penginapan) seperitimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 5/2004.
- 2.2 Kadar jamuan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 14/2004 pada 2 Disember 2004

**3.0 GARIS PANDUAN KADAR JAMUAN**

3.1 Kadar jamuan bagi program/aktiviti pelajar KUiTTHO adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kadar Maksima</b>
1	Semua bentuk program yang tidak melibatkan Orang luar.  ( Hanya layak bagi aktiviti yang dijalankan lebih daripada 1 hari secara berterusan dari pagi hingga malam)	Sarapan Pagi	RM 2.00 Seorang
		Minum Pagi @ Minum Petang @ Minum Malam	RM 1.50 Seorang
		Makan Tengahari	RM 3.50 Seorang
		Makan Malam	RM 3.50 Seorang
2	Program melibatkan Pegawai Kanan Universiti dan Orang Luar	Sarapan Pagi	RM 2.00 Seorang
		Minum Pagi @ Minum Petang @ Minum Malam	RM 2.00 Seorang
		Makan Tengahari	RM 8.00 Seorang
		Makan Malam	RM 8.00 Seorang
3	Mesyuarat Agong Kelab	Minum pagi atau minum malam	RM 2.00 seorang atau maksima scara "lump sum" sebanyak RM 100.00
4	Majlis Anugerah Dekan, Anugerah Kelab-kelab pelajar dan Majlis Watikah Perlantikan Perwakilan Pelajar (MPP).	"Hi-Tea" Makan Malam	RM 15.00 seorang
5	Lain-lain majlis rasmi Aktiviti pelajar	"Hi-Tea"	RM 10.00 seorang

	yang diluluskan oleh Universiti seperti Majlis Makan Malam petugas Pesta Konvokesyen.	Makan Malam	
--	---	-------------	--

- 3.2 Bagi program pelajar yang di adakan di dalam kampus dan tidak melibatkan orang luar tertakluk kepada had maksima RM 10.00 sehari sekiranya program dijalankan secara berterusan.
- 3.3 Penetapan kadar jamuan ini hendaklah digunakan untuk semua program/aktiviti pelajar anjuran semua Pusat Tanggungjawab termasuk Pejabat HEP, Pusat Kokurikulum, Pusat Sukan dan Kebudayaan, Pusat Islam, Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar, Pejabat Pengurusan Akademik, Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi, Desasiswa Dalam dan Luar Kampus, Fakulti-fakulti dan lain-lain PTJ yang menganjurkan program/aktiviti pelajar.
- 3.4 Bagi tetamu jemputan termasuk staf dan pelajar KUiTTHO yang akan dijemput untuk menghadiri majlis-majlis anugerah atau majlis rasmi Universiti bagi program pelajar ini hanya dibenarkan kepada pelajar yang akan menerima anugerah sahaja. Manakala kepada staf dihadkan kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan tujuan majlis tersebut sahaja.

#### **4.0 KAEDAH PERLAKSANAAN**

- 4.1 Setiap tempahan makanan dan proses pembayaran mestilah mengikut kaedah perolehan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti serta melampirkan juga senarai kehadiran staf atau pelajar yang terlibat.
- 4.2 Walau bagaimanapun bagi makan tengahari hanya layak di berikan sekiranya program dijalankan secara berterusan dari pagi hingga petang (Contoh: 8.00 pagi – 5.00 petang). Manakala bagi makan malam, layak diberikan sekiranya program/aktiviti dijalankan dari petang hingga malam (Contoh: 2.00 petang – 11.00 malam).

#### **5.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan dan perlu digunakan kepada semua kegiatan pelajar seluruh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

.....  
**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari  
6007

- s.k      1. Yg. Bhg Rektor  
          2. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (HEP)  
          3. Yg. Bhg. Timbalan Rektor (Akademik)  
          4. Pendaftar  
          5. Unit Audit Dalam

